



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

BLUEPRINT **UniMAP** **LESTARI** **2030**





U-MAP
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



PUSAT KEMAJLIHAN

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PERLIS

CETAKAN PERTAMA 2024

Hak Cipta Universiti Malaysia Perlis

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada UniMAP.

Diterbitan oleh:

Penerbit Universiti Malaysia Perlis
No. 11 & 13, Jalan Tiga
Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya
01000 Kangar, Perlis

Terbitan bagi pihak:

Universiti Malaysia Perlis
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra
02600, Arau
Perlis
<https://www.unimap.edu.my>
<https://kampuslestari.unimap.edu.my/>

Blueprint UniMAP Lestari 2030 ini dibaca bersama Polisi Universiti Malaysia Perlis (Kampus Lestari) 2024 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti melalui Mesyuarat Kali ke-92 Bil. 3/2024 bertarikh 6 Jun 2024

e-ISBN 978-629-7715-10-0

RANDUNGAN

Sekapur Sirih	1
Seulas Pinang	2
Sekalung Budi	3
Ahli Jawatankuasa Kampus Lestari	4
Ahli Jawatankuasa Pengurusan Tenaga	4
Pengenalan	5
Latar Belakang	6
Matlamat Pembangunan Lestari	7
Pemetaan SDG	8
Teras Utama UniMAP Lestari 2030	9
Pemetaan UniMAP Lestari 2030 & SDG	10
Skop <i>Blueprint</i> UniMAP Lestari 2030	11
Polisi Pengurusan Tenaga	14
Polisi Pengurusan Air	17
Polisi Pengurusan Sisa	20
Polisi Fasiliti Mesra Alam	24
Polisi Biodiversiti	26
Polisi Warga UniMAP Sejahtera	29
Polisi Pejabat Hijau	32
Polisi Bebas Halangan dan Diskriminasi	36
Polisi Pendidikan dan Penyelidikan Lestari	39
Polisi Perolehan Lestari	42
Pemetaan Polisi & SDG	45
Kesimpulan	46

SEKAPUR SIRIH

Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Bin Sauli

Naib Canselor

Bismillahirrahmanirrahim

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP,
Salam Malaysia MADANI,



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah menganugerahkan kita kesihatan yang baik agar dapat terus berbakti dan berkhidmat di kampus yang sejahtera ini sekaligus dapat merealisasikan *Blueprint* UniMAP Lestari 2030 ini.

Blueprint UniMAP Lestari 2030 telah digubal oleh sekumpulan panel dengan kepakaran serta bidang masing-masing untuk melakar dasar kelestarian UniMAP beserta halatuju dan inisiatif yang menjadi panduan dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Ia adalah salah satu usaha UniMAP menuju ke arah pembentukan Kampus Lestari yang bermula dengan penghasilan Polisi Kampus Lestari dan seterusnya penerbitan *Blueprint* UniMAP Lestari 2030.

Bagi pihak universiti, saya mengucapkan tahniah di atas usaha penghasilan *Blueprint* Kampus Lestari yang akan diterajui oleh seluruh warga kampus. Saya berdoa agar kita akan bekerja secara bersama untuk merealisasikan apa yang digariskan demi mencapai kampus lestari bertepatan dengan slogan 'Bumi Kita, Kitalah Jaga'.

Akhir kata, saya juga mengharapkan agar seluruh warga kampus memberikan sepenuh sokongan dan komited dalam menjayakan misi, visi, objektif serta program yang telah dirangka untuk mewujudkan kampus yang lestari dan kondusif.

Sekian, terima kasih.

SEULAS PINANG

Prof. Madya Ts. Dr. Irnis Azura Zakarya

Pengarah

Syukur ke hadrat Illahi, *Blueprint* UniMAP Lestari 2030 berjaya diterbitkan. Ia merupakan satu langkah besar ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan bagi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Cadangan awal *Blueprint* ini telah dibawa kepada Naib Canselor UniMAP pada Disember 2022 dan mendapat persetujuan untuk dibentangkan dan dilaksanakan oleh warga kampus. Maka, pada Januari 2023, ia telah dibentangkan semasa pelan strategik UniMAP 2025, diikuti dengan pra-pelancaran *Blueprint* pada Februari 2023.

Blueprint UniMAP Lestari 2030 ini dirancang dan cetusan idea oleh pakar dalam bidang masing-masing melalui beberapa siri bengkel yang telah dilaksanakan bagi memastikan pelan tindakan setiap aktiviti yang dirancang dapat dijalankan dengan sebaiknya.

Blueprint ini merangkumi kesemua 10 skop Matlamat Pembangunan Mampan. *Blueprint* ini juga menggariskan polisi serta pelan tindakan yang menyeluruh, meliputi empat fasa utama iaitu tindakan semasa, jangka masa pendek, sederhana, dan panjang.

Untuk Tindakan Semasa (2023-2024) dengan melaksanakan inisiatif awal dan penyediaan infrastruktur asas dan meningkatkan kualiti pendidikan serta kesedaran mengenai pembangunan mampan. Jangka Masa Pendek (2024-2025), pelaksanaan merangkumi mengenal pasti dan menetapkan keutamaan matlamat pembangunan mampan, menjalankan kajian awal dan penyelidikan bagi menentukan strategi pelaksanaan, mengadakan bengkel dan latihan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan staf dan pelajar. Manakala, Untuk Jangka Masa Sederhana (2025) dengan memperluas dan mengoptimumkan penggunaan teknologi hijau dan menjalin kerjasama strategik dengan pihak industri dan komuniti. Fasa keempat iaitu Jangka Masa Panjang (2030) dengan mengukuhkan inovasi dan penyelidikan dalam bidang pembangunan mampan dan mencapai kesaksamaan dalam akses kepada pendidikan dan sumber.

Blueprint ini mencerminkan komitmen kita terhadap kelestarian dan kesinambungan dalam setiap aspek pembangunan universiti. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan *Blueprint* ini. Marilah kita bersama-sama merealisasikan visi UniMAP yang lebih lestari dan mampan.

Sekian, terima kasih.



SERALUNG BUDI

Penasihat

Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Bin Sauli

Ketua Penyunting

Prof. Ir. Dr. Rizalafande Bin Che Ismail

Prof. Madya Ts. Dr. Irnis Azura Zakarya

Penyunting

Prof Madya Ir. Ts. Dr. Tunku Muhammad Nizar Tunku Mansur

Puan Norren Shariza Binti Mohamed Mokhtar

Puan Fatin Syazwani Syamimi Abd Majid

Penulis

Prof. Madya Ts. Dr. Irnis Azura Zakarya | Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah Za'aba | Prof. Madya Dr. Zarina Zakaria | Prof. Madya Dr. Farrah Aini Dahalan | Prof. Madya Dr. Sara Yasina Yusuf | Prof. Madya Dr. Tengku Nuraiti Tengku Izhar | Prof. Madya Ir. Dr. Rosnazri Ali | Prof Madya Dr. Samila Mat Zali | Prof. Madya Dr. Baharuddin Ismail | Prof. Madya Ir. Ts. Tunku Muhammad Nizar Tunku Mansur | Ir. Ts. Dr. Ahmad Zaidi Abdullah | Dr. Nor Faizah Bawadi | Dr. Norshah Aizat Shuaib | Dr. Nur Liza Rahim | Dr. Norlia Mohamad Ibrahim | Dr. Rosemizi Abd Rahim | Encik Mohd Juraij Abd Rani | Encik Mohd. Hafiz Ismail | Encik Muhammad Fandy Fauzi | Encik Johan Ariff Mokhtar | Encik Mohd Asraf Mohd Noor | Encik Ahmad Luqman Afiq Abdullah | Encik Muhammad Zul Izzat Jamil | Encik Mohd Hafiz Arshad | Encik Saifol Nizal Shariff | Puan Norren Shariza Binti Mohamed Mokhtar | Puan Nabila Tashrina Noor Hisham

Urus Setia

Encik Azhar Ali

Puan Nurazlin Nazri

Pereka

Puan Norren Shariza Binti Mohamed Mokhtar

Puan Fatin Syazwani Syamimi Abd Majid

Ahli Jawatankuasa

PENGURUSAN

TENAGA

Prof Madya Ir. Ts. Dr. Tunku Muhammad Nizar Tunku Mansur

Prof. Madya Ir. Dr. Rosnazri Ali

Prof Madya Dr. Samila Mat Zali

Prof. Madya Dr. Baharuddin Ismail

Ir. Ts. Dr. Ahmad Zaidi Abdullah

Dr. Rosemizi Abd Rahim

Encik Mohd Hafiz Arshad

Encik Saifol Nizal Shariff

Ahli Jawatankuasa

KAMPUS

LESTARI

Prof Madya Ts. Dr. Irnis Azura Zakarya

Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah Za'aba

Prof. Madya Dr. Zarina Zakaria

Prof. Madya Dr. Farrah Aini Dahalan

Prof. Madya Dr. Sara Yasina Yusuf

Prof. Madya Dr. Tengku Nuraiti Tengku Izhar

Dr. Nor Faizah Bawadi

Dr. Norshah Aizat Shuaib

Dr. Nur Liza Rahim

Dr. Norlia Mohamad Ibrahim

Encik Mohd Juraij Abd Rani

Encik Mohd. Hafiz Ismail

Encik Muhammad Fandy Fauzi

Encik Johan Ariff Mokhtar

Encik Mohd Asraf Mohd Noor

Encik Ahmad Luqman Afiq Abdullah

Encik Muhammad Zul Izzat Jamil

Puan Norren Shariza Binti Mohamed Mokhtar

Puan Nabila Tashrina Noor Hisham

PENGENALAN

Blueprint UniMAP Lestari 2030 merupakan pelan hala tuju Universiti untuk mewujudkan dan mengendalikan komuniti kampus yang lebih sihat dan mampan. Pelan ini menjajarkan keseluruhan kampus UniMAP mengikut visi, misi, polisi dan perancangan yang holistik bersesuaian dengan matlamat Universiti.

Agenda pembangunan kelestarian di UniMAP adalah berpaksikan kepada 17 Matlamat Pembangunan Kelestarian (Sustainable Development Goals)-SDG's. Selari dengan hasrat Universiti dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar di dalam kampus serta warga kampus yang kondusif dan sejahtera.

Latar Belakang **UniMAP**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ditubuhkan sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada 25 Julai 2001. Penubuhan UniMAP bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi dan kompeten bagi memenuhi dan menyokong Pelan Perindustrian Negara.

Aktiviti pembangunan kurikulum, pembangunan fizikal dan pengambilan staf bermula selepas perantikan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor pada 16 Februari 2002. UniMAP mula beroperasi di kampus sementara di Kubang Gajah, Arau, Perlis pada 1 Februari 2007. Manakala pengambilan pelajar pertama seramai 116 orang bagi sesi akademik 2002/2003 dibuat pada 20 Jun 2002.

UniMAP melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan akreditasi EAC-BEM untuk menghasilkan jurutera yang berkebolehan dan mampu mengaplikasikan sebarang konsep teori. Program akademik UniMAP adalah berasaskan sekitar 80% pengajaran dalam bentuk teori dan 20% praktikal. Kurikulum yang disediakan telah direkabentuk agar ia setara dengan mana-mana program kejuruteraan yang diiktiraf di dalam dan luar negara.

Kampus tetap UniMAP adalah di Pauh seluas 1050 ekar dan di Sungai Chuchuh seluas 300 ekar dan masih di peringkat pembangunan. Namun terdapat beberapa Jabatan dan Pusat Pengajian yang telah beroperasi penuh di Kampus Pauh Putra antaranya adalah Jabatan Perpustakaan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik dan Institut Matematik Kejuruteraan.



Polisi dan inisiatif yang disarankan merupakan penanda aras pernyataan komitmen warga UniMAP dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta melaksanakan pembangunan yang mampan sejajar dengan 17 Matlamat Pembangunan Lestari.



PEMETAAN SDG

WORLD	United Nation	Agenda 2030 & SDG17	2016-2030	
MALAYSIA	Malaysia Government	11 TH Malaysia Plan & SDG17	SDGs in New Economic Model and 11 Malaysia Plan Phase I (2016-2020) Prioritizing SDGs according to 11 Malaysia Plan Phase II (2020-2025) Focus on post 2020 goal and targets Phase III (2025-2030) Remaining goals and targets in line	
PERLIS	Perlis State Government	Perlis Strategic Development Plan 2012-2030 & SDG 17	• AGRI-FOOD • MANUFACTURING • TRADE AND SERVICES • TOURISM • EDUCATION • INFRASTRUCTURE • TRANSPORTATION ❖ URBANIZATION ❖ IMPROVE QUALITY OF LIFE	

Teras Utama UniMAP Lestari 2030



PERSEKITARAN



**AKADEMIK &
PENYELIDIKAN**



EKONOMI



SOSIAL

PEMETAAN UniMAP LESTARI 2030 & SDG

TERAS

SKOP
UniMAP
LESTARI

SDG



PERSEKITARAN

1. Pengurusan Tenaga
2. Pengurusan Air
3. Pengurusan Sisa
4. Fasiliti Mesra Alam
5. Biodiversiti



AKADEMIK & PENYELIDIKAN

1. Pendidikan dan Penyelidikan Lestari
2. Bebas Halangan dan Diskriminasi



EKONOMI

1. Perolehan Hijau
2. Bebas Halangan dan Diskriminasi



SOSIAL

1. Pejabat Hijau
2. Warga UniMAP Sejahtera



SKOP BLUEPRINT UniMAP LESTARI 2030

Blueprint UniMAP Lestari 2030 mengandungi 10 skop yang akan dilaksanakan dalam 4 fasa iaitu Tindakan Semasa, Jangka Pendek, Jangka Sederhana dan Jangka Panjang.



PENGURUSAN TENAGA



PENGURUSAN AIR



PENGURUSAN SISA



FASILITI MESRA ALAM



BIODIVERSITI



WARGA UniMAP SEJAHTERA



PEJABAT HIJAU



BEBAS HALANGAN DAN
DISKRIMINASI



PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN
LESTARI



PEROLEHAN LESTARI

SKOP UniMAP Lestari 2030

1

PENGURUSAN TENAGA

Suatu proses perancangan, pembangunan, pengurusan, pengauditan, pemantauan dan pelaporan mengenai sumber-sumber tenaga dan penggunaan tenaga serta peralatan berkaitan agar berfungsi dengan berkesan

6

WARGA UniMAP SEJAHTERA

Menekankan budaya kerja yang lestari sejajar dengan kesihatan dan kesejahteraan mental serta cakna agenda pembangunan lestari yang bersifat menyeluruh dan kolektif serta dapat menyumbang kepada masyarakat.

2

PENGURUSAN AIR

menggunakan air dengan cara yang memenuhi keperluan semasa, ekologi, sosial dan ekonomi tanpa menjejaskan keupayaan untuk memenuhi keperluan tersebut pada masa hadapan.

7

PEJABAT HIJAU

Struktur yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan cekap sumber. Pejabat hijau direka bentuk untuk menjadi cekap tenaga dan selalunya menggabungkan kandungan kitar semula.

3

PENGURUSAN SISA

untuk memastikan bahan digunakan selama mungkin dan meminimumkan jumlah sisa pepejal yang dibuang di tapak pelupusan atau melalui pembakaran (incinerator).

8

BEBAS HALANGAN & DISKRIMINASI

Sesuatu produk, perkhidmatan atau persekitaran boleh diakses, ini bermakna semua orang kurang upaya dan tanpa kecacatan boleh mengaksesnya tanpa menghadapi sebarang halangan.

4

FASILITI MESRA ALAM

Untuk menambah baik prasarana sedia ada agar ianya menepati aspek kelestarian kampus.

9

PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN LESTARI

- mengintegrasikan pendidikan untuk pembangunan mampan (ESD) mengikuti kursus dalam semua disiplin yang berkaitan.
- Untuk menyediakan dan mempromosikan penyelidikan yang berkesan untuk manfaat masyarakat dan dunia berdasarkan SDG

5

BIODIVERSITI

Biodiversiti dengan bentuk muka bumi, flora dan fauna yang perlu dipelihara, disubur dan dimanfaatkan untuk warga kampus & menjadi daya penarik kepada masyarakat luar untuk mengunjungi kampus.


10

PEROLEHAN HIJAU

Perolehan produk, perkhidmatan dan kerja yang mengambil kira kriteria dan piawaian alam sekitar untuk melindungi alam sekitar dan sumber asli serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif aktiviti manusia.

BLUEPRINT

UniMAP LESTARI 2030



POLISI PENGURUSAN TENAGA

Suatu proses perancangan, pembangunan, pengurusan, pengauditan, pemantauan dan pelaporan mengenai sumber-sumber tenaga dan penggunaan tenaga serta peralatan peralatan berkaitan agar berfungsi dengan berkesan



SDG 7 :

Tenaga Berpatutan dan Bersih
Menjamin capaian kepada tenaga berpatutan, dipercayai, mampan dan moden kepada semua



SDG 13 :

Kehidupan dalam Air
Memulihara dan menggunakan lautan, laut dan sumber marin dengan mampan demi pembangunan mampan

Polisi

UniMAP komited dalam membudayakan perancangan, pembangunan, penggunaan, pengurusan dan pemantauan sumber tenaga secara cekap di kalangan warga kampus.

Pernyataan UniMAP Lestari 2030

Menyediakan infrastruktur yang berkesan dalam mewujudkan kampus lestari yang pintar, selamat dan kondusif ke arah mengoptimumkan aset, sumber dan penggunaan tenaga dengan keupayaan sumber boleh diperbaharui bagi keberkesanan kos dalam jangka masa panjang.

OBJEKTIF (AIM)

Meningkatkan Pengamalan Program Kecekapan Tenaga Dan Penggunaan Tenaga Boleh Baharu

**(INISIATIF)
TINDAKAN SEMASA
(2023)**

- Melaksanakan kursus, latihan, bengkel kepada warga kampus (staf dan pelajar) secara fizikal dan secara maya.
- Menganjurkan program berimpak berteraskan kelestarian.
- Mengadakan mesyuarat serta perbincangan bersama JK Pengurusan Tenaga dan JK Kampus Lestari.

PELAKSANAAN

JANGKA PENDEK 2023-2024



- Penukaran lampu jalan dan kawasan jenis cekap tenaga
- Penukaran lampu bangunan jenis cekap tenaga
- Penggunaan sistem pintar secara meluas
- Mengoptimumkan penggunaan sistem bangunan automatik (BAS)

JANGKA SEDERHANA 2025

- Kursus Kesedaran dan Teknikal Pengurusan Tenaga dan Tenaga Boleh Baharu
- Melaksanakan Program Pengurusan Tenaga EMGS
- Melaksanakan Program Low Carbon Footprint
- Mengutamakan penggunaan penghawa dingin jenis split unit berbanding jenis berpusat di seluruh kampus selepas waktu kerja

JANGKA PANJANG (2030)

- Melaksanakan projek self-consumption solar PV
- Penggunaan sistem penyaman udara berpusat yang lebih efisien
- Penarafan Bangunan Hijau (GBI)



Pemantauan Building Automation System (BAS)

POLISI PENGURUSAN AIR

Menggunakan air dengan cara yang memenuhi keperluan semasa, ekologi, sosial dan ekonomi tanpa menjejaskan keupayaan untuk memenuhi keperluan tersebut pada masa hadapan



SDG 6 :
Air Bersih dan Sanitasi
Memastikan kecapaian dan pengurusan mampan air dan sanitasi kepada semua

Polisi

UniMAP komited dalam menguruskan sumber air bagi bekalan sumber air yang terjamin dan lestari

Pernyataan UniMAP Lestari 2030

Menyediakan akses kepada dapatan sumber air bersih dan sanitasi yang baik di samping mengamalkan penjimatan penggunaan air di dalam kampus.

OBJEKTIF (AIM)

Meminimumkan penggunaan air terawat di dalam operasi universiti.

**(INISIATIF)
TINDAKAN SEMASA
(2023)**

Kursus Berterusan Penjimatan Air Terawat di semua kampus secara maya dan fizikal (*Webinar, Kempen, Bengkel, Kolokium*)

PELAKSANAAN

JANGKA PENDEK 2023-2024

- Kursus Kesedaran dan Teknikal Berkaitan Pengurusan Air Secara Berkala (Siri I, II, III dan seterusnya)

JANGKA SEDERHANA 2025

- Penukaran Kepala Paip Jenis Jimat Air
- Pemasangan Tangki Rainwater Harvester (Retrofit)

JANGKA PANJANG (2030)

- Projek Penukaran Paip Air Bawah Tanah
- Eksplorasi Sumber Air Bawah Tanah (Telaga Tiub)
- Pemasangan Tangki Rainwater Harvester (Melalui Kontrak Pembinaan Bangunan)
- Stormwater Harvesting Facility baru bagi menambah kapasiti kolam sedia ada.

Penganjuran Program UniMAP bersama Agensi Luar



Penyertaan UniMAP dengan Agensi Luar dalam Aktiviti Hari Air Sedunia



POLISI PENGURUSAN SISA

Pengurusan Sisa- Memastikan bahan yang digunakan selama mungkin dan meminimumkan jumlah sisa pepejal yang dibuang di tapak pelupusan atau melalui loji rawatan terma (*incinerator*)



SDG 12 :
Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab
Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran mampan



SDG 13 :
Tindakan Iklim
Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui.

Polisi

UniMAP komited dalam melaksanakan pengurusan sisa yang teratur dan amalan penjagaan kebersihan dan kesihatan yang baik dalam kalangan warga UniMAP.

Pernyataan UniMAP Lestari 2030

Melaksanakan program pengurusan sisa yang teratur di dalam universiti.

OBJEKTIF (AIM)



PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Menyampaikan maklumat dan memberi kesedaran umum kepada warga kampus dan masyarakat mengenai pengurusan sisa pepejal secara sistematik.



PENGURUSAN SISA E-WASTE & SISA BERJADUAL

Melaksanakan kutipan barangan kitar semula, *E-Waste*, sisa berjadual secara teratur.



PENGURUSAN SISA MAKANAN

Menggalakkan penghasilan baja kompos bagi kegunaan landskap di dalam kampus.



PENGURUSAN SISA PEPEJAL

- Sesi taklimat recycle @UniMAP.
- Sesi taklimat pengurusan sisa. pembuangan (domestik & *e-waste*) .
- Polisi *no plastic straws* dan *no polystyrene* dalam kampus.



PENGURUSAN SISA E-WASTE & SISA BERJADUAL

- Kutipan barangan kitar semula melibatkan pelajar dan staf (individu).
- Kutipan *E-Waste* staf dan pelajar (individu).
- Kutipan kertas peperiksaan (program Fakulti).
- Kutipan sisa buangan terjadual.



PENGURUSAN SISA MAKANAN

Penyediaan *Organic Bin* oleh Fakulti/Jabatan.

(INISIATIF) TINDAKAN SEMASA (2023)

PELAKSANAAN

LANGKA PENDEK 2023-2024

Forum umum dan bersasar kepada warga kampus, kontraktor, dan pemegang taruh universiti tentang pengurusan sisa secara sistematik statistik/buletin sisa pepejal (6 kali setahun).

LANGKA SEDERHANA 2025

Mengadakan pertandingan di peringkat Jabatan yang menggalakkan perkongsian idea/strategi baru yang berkesan dalam mengurangkan penajaan sisa di kampus.

LANGKA PANJANG (2030)

Menghasilkan sekurang-kurangnya seorang staf/ personnel kampus yang kompeten [Certified *Environment Professional in Scheduled Waste Management* (CePSWaM)] i.e: COSHE

PENGURUSAN SISA PEPEJAL

PENGURUSAN SISA E-WASTE & SISA BERJADUAL

PENGURUSAN SISA MAKANAN

- Kutipan barangan kitar semula melibatkan pelajar dan staf (persendirian).
- Kutipan *E-Waste* melibatkan pelajar dan staf (persendirian) serta *Waste Audit* di setiap PTJ.
- Menaiktaraf Pusat Kitar Semula.
- Kutipan Kertas Peperiksaan oleh Fakulti.

- Pembangunan *Apps* untuk pemantauan barangan kitar semula oleh setiap PTJ.
- Polisi *paperless*.
- Memaksimumkan penggunaan *Online Assessments & Digital Course Materials* (UniMAP eLearning).
- Penggunaan *Document Management System* (DMS) di setiap fakulti/Jabatan.

- *UniMAP One Stop Centre* : Pusat Sehenti Pengumpulan *E-waste*, Kitar semula, Kompos
- Pengurusan Sisa Makanan Lestari : Pengumpulan Sisa Makanan berpusat, Pusat Penghasilan Baja Kompos, Polisi Bebas Plastik Sifar Botol Plastik
- Sistem Perolehan Bahan Kimia Berpusat Universiti

- Penghasilan 'Baja Kompos Cafe' daripada sisa makanan daripada Kafe Kolej Kediaman & Fakulti.
- Kursus penghasilan baja kompos kepada warga kampus.

- Pelaksanaan aktiviti pengkomposan oleh setiap Jabatan.
- Penggunaan Baja Kompos di Urban Garden Jabatan.

Universiti memiliki mesin kompos sendiri.



Pusat Kitar Semula UniMAP



Sisa makanan dijadikan kompos dengan menggunakan mesin



Pusat Pengumpulan Kompos

POLISI FASILITI MESRA ALAM

Menambah baik prasarana sedia ada agar ianya menepati aspek kelestarian kampus



SDG 12 :
Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab
Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran mampan



SDG 13 :
Tindakan Iklim
Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui.

Polisi

UniMAP komited dalam melaksanakan inisiatif mengoptimalkan ruang sedia ada & baharu, mobiliti rendah karbon iaitu dengan mengurangkan kadar penggunaan kenderaan dalam kampus supaya mengurangkan pencemaran udara, air dan bunyi

Pernyataan UniMAP Lestari 2030

Mengoptimumkan penggunaan ruang, fasiliti seperti pengangkutan awam (bas), berbasikal dan pejalan kaki (rendah karbon dan mesra alam)

OBJEKTIF (AIM)

Kurangkan pelepasan karbon daripada penggunaan tenaga elektrik dan pembakaran bahan api

(INISIATIF) TINDAKAN SEMASA (2023)

- Pembinaan trek jogging di Tasik Alumni.
- Menyediakan kemudahan riadah di sepanjang dataran boulevard dan kolej-kolej kediaman.
- Meningkatkan kelajuan capaian wifi dalam kampus
- Menyediakan ruang kegiatan pelajar (Student Centre / Student Lounge) di setiap fakulti
- Penggunaan bas kitaran dalam kampus
- Laluan Pejalan Kaki Berbumbung kepada Pelajar

PELAKSANAAN

JANGKA PENDEK 2023-2024

- Audit ruang di setiap PTJ bagi tujuan gunasama
- Kenalpasti dan selaras penyediaan ruang dan kemudahan di setiap PTJ.
- Kajian keberkesanan/tinjauan penggunaan bas kitaran dalam kampus di kalangan pelajar dan staf.
- 1 unit bas kitaran tambahan di dalam Kampus.
- Penggunaan basikal / skuter elektrik.
- Sediakan tempat letak basikal / skuter elektrik dan membaiki prasarana laluan basikal.
- Kempen penggunaan pengangkutan awam termasuk basikal / skuter elektrik.
- Tinjauan terhadap pejalan kaki di sekitar kampus.
- Perancangan laluan pejalan kaki di dalam kampus (RMK12)
- 30% kawasan tempat menunggu bas, laluan basikal dan pejalan kaki mendapat capaian wifi.
- Penggunaan Beam e-scooters

JANGKA SEDERHANA 2025

- Sistem tempahan berpusat bagi ruang pasca siswazah.
- 2 buah hentian bas dengan kelengkapan yang mesra alam termasuk 1 buah bas elektrik/hybrid.
- Aplikasi jadual pergerakan bas.
- Sistem sewaan basikal / skuter elektrik lengkap dengan aplikasi tempahan.
- Laluan khas basikal / skuter elektrik di keseluruhan kampus
- Laluan pejalan kaki lengkap dengan prasarana seperti kiosk jualan dan kemudahan internet.
- 50% kawasan tempat menunggu bas, laluan basikal dan pejalan kaki mendapat capaian wifi

JANGKA PANJANG (2030)

- Optimumkan ruang gunasama.
- Optimumkan pengangkutan awam di kalangan pelajar.
- Basikal / skuter elektrik di dalam kampus.
- Galakkan berjalan kaki dalam kampus
- Pewujudan kawasan parkir berpusat (contoh: Dataran Kejat)
- Capaian wifi di semua tempat menunggu bas, laluan bas kitaran, laluan basikal, pejalan kaki.



Laluan Pejalan Kaki untuk Warga UniMAP



E-Scooter di kampus UniMAP



Bas UniMAP untuk Pelajar UniMAP

POLISI BIODIVERSITI

Biodiversiti dengan bentuk muka bumi, flora dan fauna yang perlu dipelihara, disubur dan dimanfaatkan untuk warga kampus & menjadi daya penarik kepada masyarakat luar untuk mengunjungi kampus



SDG 11 :

Bandar dan Masyarakat Mampan

Menjadikan bandar dan petempatan manusia menyeluruh, selamat, kukuh dan mampan



SDG 15 :

Kehidupan di Darat

Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat, menguruskan hutan secara mampan, mengekang penebangan hutan, menghentikan dan mengundurkan degradasi tanah, dan menghentikan kehilangan biokepelbagaian

Polisi

UniMAP komited dalam memelihara kelestarian biodiversiti dan mengurus lanskap berpandukan prinsip dan matlamat yang digariskan dalam dasar-dasar kebangsaan yang berkaitan.

Pernyataan UniMAP Lestari 2030

kepelbagaian spesis tumbuhan dan haiwan dalam persekitaran semula jadinya, juga ukuran variasi hidupan padaperingkat ekosistem, spesis hingga genetik.

OBJEKTIF (AIM)

- Menangani kesan pemanasan global dengan meningkatkan kawasan hijau,
- Melindungi dan memelihara bentuk muka bumi, dan biodiversiti flora & fauna,
- Pengenalpastian dan mewujudkan inventori flora & fauna,
- Mempromosikan Edu-Pelancongan di kawasan kampus

(INISIATIF) TINDAKAN SEMASA (2023)

- Kempen dan kursus penanaman kepada warga UniMAP. (Penanaman pokok di dalam kampus. 1 ekar 1 tahun),
- Selenggara kawasan dan tumbuh-tumbuhan.
- Tinjauan kawasan hutan UniMAP seperti 'hiking' / 'trekking'

PELAKSANAAN

JANGKA PENDEK 2023-2024

- Masterplan landskap "*Urban Sustainable Campus*" dengan pendekatan "*Green Infrastructure*" (cth. Taman Hujan, Taman Poket, "*Permeable pavement*", "*Bioswale*")
- Polisi pengurusan kelestarian biodiversiti.
- Bersihkan kawasan dan sedia kemudahan asas seperti pondok rehat, titi, menara tinjau, tandas.
- Isytihar kawasan yang kaya dengan biodiversiti sebagai UniMAP '*Living Lab*'

JANGKA SEDERHANA 2025

- Bina landskap secara berperingkat serta tambahan penanaman pokok buah-buahan (*edible plant*).
- Program pengenalan dan kesedaran mengenai biodiversiti.
- Pelabelan flora dan pengenalpastian fauna (e.g. aktiviti '*forest tagging*' dan '*bird watching*' bersama Perlis Nature WildLife)
- Wujudkan kawasan rekreasi untuk warga UniMAP dan orang awam secara terkawal seperti perkhemahan/' *jungle trekking*'
- Gunakan '*Living Lab*' untuk pembelajaran luar kelas (subjek: AMJ10704 *Basic Ecology*) dan penyelidikan

JANGKA PANJANG (2030)

- Pembangunan landskap mengikut konsep dan pendekatan kawasan hijau.
- Pembangunan dan penyelenggaraan berterusan mengikut polisi.
- Penerbitan buku Flora & Fauna UniMAP.
- Pewartaan Taman Rimba Kampus Alam (kolaborasi bersama agensi kerajaan seperti Exco Pelancongan Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Perhutanan Perlis, FRIM, MARDI, NGO-Perlis.



Penyertaan UniMAP ke Kem Biodiversiti Hutan



Kajian Biodiversiti di UniMAP

POLISI

WARGA UniMAP SEJAHTERA

Menekankan budaya kerja yang lestari sejajar dengan kesihatan dan kesejahteraan mental, kesihatan pekerjaan serta cakna agenda pembangunan lestari yang bersifat menyeluruh dan kolektif serta dapat menyumbang kepada masyarakat



SDG 3 :

Kesihatan Baik dan Kesejahteraan

Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua dalam semua lapisan umur



SDG 8 :

Bandar dan Masyarakat Mampan

Mempromosikan perkembangan ekonomi mampan dan menyeluruh, pekerjaan penuh dan produktif, dan pekerjaan layak kepada semua



SDG 16 :

Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh

Mempromosikan masyarakat aman dan menyeluruh demi pembangunan mampan, memberikan capaian keadilan kepada semua, dan membina institusi yang berkesan, dipercayai dan menyeluruh pada semua tahap

Polisi

UniMAP komited dalam mewujudkan budaya kerja cemerlang dan kesihatan minda yang sihat berlandaskan nilai-nilai luhur agama dan budaya yang cakna agenda pembangunan lestari.

Menekankan budaya kerja yang lestari sejajar dengan kesihatan dan kesejahteraan mental, kesihatan pekerjaan (tambah) serta cakna agenda pembangunan lestari yang bersifat menyeluruh dan kolektif serta dapat menyumbang kepada masyarakat.

OBJEKTIF (AIM)

Menekankan budaya kerja yang lestari sejajar dengan kesihatan dan kesejahteraan mental serta cakna agenda pembangunan lestari

(INISIATIF) TINDAKAN SEMASA (2023)

- *Transformasi@ UniMAP*
- Meningkatkan kesedaran mengenai budaya kerja yang kondusif dan proaktif.
- Program pembersihan kawasan kampus.
- Kempen: 'Kerja Sebagai Satu Ibadah'

PELAKSANAAN

LANGKA PENDEK 2023-2024

- *W.E.L (Work. Environment. Life)*-Suasana kerja kondusif dan terapeutik.
- Ruang kerja kemas dan bersih.
- Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).
- Program Pengurusan Stres.
- Program Pengurusan Etika Kerja (Work Life Balance).

LANGKA SEDERHANA 2025

- *Cakna UniMAP* - Intervensi Kesihatan Mental kepada semua warga UniMAP.
- Seminar kesihatan mental
- Saringan Kesihatan Mental (PHQ-9).
- Program Sukan dan Kecergasan.

LANGKA PANJANG (2030)

- *Sejahtera UniMAP*- Sokongan kesihatan mental, kesihatan pekerjaan dan pembanteras penyakit kepada warga Universiti
- Mewujudkan pusat kesejahteraan UniMAP:- fasiliti makanan, fasiliti kesihatan dan fasiliti kaunseling



**Penganjuran
program dan
aktiviti yang
bermanfaat untuk
keseimbangan
rohani, mental dan
jasmani**

POLISI PEJABAT HIJAU

Bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan cekap sumber. Pejabat hijau direka bentuk untuk menjadi cekap tenaga dan selalunya menggabungkan kandungan kitar semula. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang sihat, menjimatkan tenaga dan mengurangkan pencemaran.



SDG 3 :

Kesihatan Baik dan Kesejahteraan

Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua dalam semua lapisan umur



SDG 11 :

Bandar dan Masyarakat Mampan

Menjadikan bandar dan petempatan manusia menyeluruh, selamat, kukuh dan mampan



SDG 15 :

Kehidupan di Darat

Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat, menguruskan hutan secara mampan, mengekang penebangan hutan, menghentikan dan mengundurkan degradasi tanah, dan menghentikan kehilangan biokepelbagaian

Polisi

UniMAP komited dalam memperkasakan budaya kampus dengan agenda pembangunan lestari dalam suasana yang mesra alam dan harmonis, kondusif untuk meningkatkan produktiviti dalam melaksanakan kerja.

Pernyataan UniMAP Lestari 2030

Bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan cekap sumber. Pejabat hijau direka bentuk untuk menjadi cekap tenaga dan selalunya menggabungkan kandungan kitar semula. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang sihat, menjimatkan tenaga dan mengurangkan pencemaran

OBJEKTIF (AIM)

Memperkasakan inisiatif pembangunan lestari dalam organisasi dengan suasana mesra alam, harmonis dan kondusif

(INISIATIF) TINDAKAN SEMASA (2023)

- *Kampus Lestari*- Anugerah Lestari kepada semua PTJ, kolej kediaman dan fakulti.
- *Kampus hijau*.
- *Tanaman pokok hijau* (1 pokok 1 fakulti dan Jabatan).
- *Kitar semula dan kompos*.

PELAKSANAAN

JANGKA PENDEK 2023-2024

- *UniMAP Harmonis*- Kampus Harmonis dan Lestari
- Landskap hijau.
- Membudayakan amalan kelestarian.
- Kod etika warga UniMAP sejahtera

JANGKA SEDERHANA 2025

UniMAP Green - Satu Pokok Satu Warga

- 'Bring your own tumbler' (bawa bekas sendiri)
- *Individual green ethics*

JANGKA PANJANG (2030)

Penggunaan kertas secara lestari di semua pejabat.



Landskap hijau



Aktiviti penanaman pokok dalam kampus



Penyerahan pokok bunga raya kepada setiap Jabatan di UniMAP



Program Penanaman Pokok di UniMAP



Inisiatif mewujudkan premis mesra alam dan suasana harmoni



Kempen-kempen kesedaran yang dilaksanakan di UniMAP

POLISI BEBAS HALANGAN DAN DISKRIMINASI

Produk, perkhidmatan atau persekitaran yang boleh diakses, ini bermakna semua orang kurang upaya dan tanpa kecacatan boleh mengaksesnya tanpa menghadapi sebarang halangan.



**SDG 4 :
Pendidikan Berkualiti**
Menjamin pendidikan menyeluruh dan ekuiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.



**SDG 10 :
Bandar dan Masyarakat Mampan**
Menjadikan bandar dan petempatan manusia menyeluruh, selamat, kukuh dan mampan.

Polisi

Bebas Halangan

UniMAP komited memberikan kebebasan warga UniMAP menyertai/ menyuarakan pendapat melalui platform yang betul.

Diskriminasi

UniMAP komited dalam menyediakan platform/ medium/ fasiliti yang selesa secara sama rata dan adil.

Pernyataan
UniMAP
Lestari 2030

Kesaksamaan hak dan peluang kepada orang kurang upaya (OKU) untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain serta melahirkan insan yang berpegang teguh kepada nilai kasih sayang, kegembiraan dan hormat-menghormati serta membentuk budaya pendidikan inklusif sesama masyarakat.

OBJEKTIF (AIM)

- Warga UniMAP mendapat kesaksamaan hak dan peluang untuk menyumbang ke arah pembangunan lestari.
- Mewujudkan akses dan infrastruktur kampus mesra OKU bagi tujuan pembelajaran.

(INISIATIF) TINDAKAN SEMASA (2023)

- Tambahbaik fasiliti dan utiliti bagi meningkatkan indeks kepuasan warga kampus.
- Tingkatkan kualiti infrastruktur pembelajaran, penginapan dan perkhidmatan kampus.
- Kemudahan riadah di sekitar Tasik Alumni dan kolej-kolej kediaman.
- Sumber dana dan bantuan yang mampan kepada pelajar.
- Program berimpak berteraskan kelestarian.

PELAKSANAAN

JANGKA PENDEK 2023-2024

- Pengurangan yuran kolej kediaman UniMAP bagi pelajar kurang upaya.
- Audit fasiliti mesra OKU.
- Penambahbaikan fasiliti (di kampus, ruang kafeteria, ruang riadah, kolej kediaman) mesra OKU secara berfasa bagi menyusun keperluan dana.
- Libat sama OKU dalam program khidmat komuniti.

JANGKA SEDERHANA 2025

- Fasiliti dan utiliti mesra OKU.

JANGKA PANJANG (2030)

- Kesetaraan dan keseragaman layanan kepada semua warga UniMAP.



Fasiliti OKU dan pelajar di UniMAP



Program dan aktiviti riadah di Tasik UniMAP

POLISI PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN LESTARI

Mengintegrasikan pendidikan untuk pembangunan mampan (ESD) mengikuti kursus dalam semua disiplin yang berkaitan.

Menyediakan dan mempromosikan penyelidikan yang berkesan untuk manfaat masyarakat dan dunia berdasarkan SDG

Pendidikan

Polisi

UniMAP komited dalam mengadun elemen pendidikan pembangunan lestari dalam kursus-kursus yang ditawarkan dalam program akademik.

Penyelidikan

UniMAP komited dalam memastikan penyelidikan yang berimpak dalam memberi manfaat kepada masyarakat dan dunia.

Pernyataan UniMAP Lestari 2030

Mempromosikan pendidikan formal atau tidak formal sebagai medium terpenting sebagai kesinambungan mana-mana usaha jangka panjang untuk kelestarian kampus.

Menyediakan pelajar yang mempunyai akses yang sama kepada kualiti dan mampan pendidikan (pembelajaran sepanjang hayat).

Menyediakan dan menggalakkan penyelidikan yang berkesan untuk manfaat masyarakat dan dunia berdasarkan aspirasi 17 Matlamat Pembangunan Mampan.



SDG 4 :

Pendidikan Berkualiti

Menjamin pendidikan menyeluruh dan equiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.

OBJEKTIF (AIM)

PENDIDIKAN

Prestasi akademik pelajar dan kebolehpasaran pelajar bergraduat memenuhi piawaian dan keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pihak berkaitan.

PENYELIDIKAN

Memberi manfaat kepada masyarakat dan dunia, untuk menyumbang dalam semua aspirasi 17 SDG yang meliputi dimensi persekitaran, sosial dan ekonomi melalui penyelidikan yang berimpak

PENDIDIKAN

- Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang memenuhi permintaan industri semasa.
- Program pengajian yang dibangunkan bagi memenuhi Kerangka Pendidikan Fleksibel.
- Kemudahan makmal yang menyokong proses pembelajaran terkini.
- SMZ19802 Human & Environmental Sustainability (Semester 1 & 2)
- kursus Renewable Energy (EMJ44703)

PENYELIDIKAN

- Kursus akademik yang melaksanakan modul SULAM.
- Kursus dijalankan secara kaedah pembelajaran teradun.
- Program kesedaran pembangunan lestari bersama komuniti

(INISIATIF) TINDAKAN SEMASA (2023)

PELAKSANAAN

PENDIDIKAN

JANGKA PENDEK 2023-2024

- Kolaborasi nasional di setiap peringkat pengajian (rendah, menengah, tinggi) yang berteraskan kelestarian

JANGKA SEDERHANA 2025

- Projek Tahun Akhir yang melaksanakan elemen SDG.
- Program pengajian teradun.
- Elemen SDG dalam kursus teras selari dengan standard akreditasi yang baharu.

JANGKA PANJANG (2030)

- Struktur Kurikulum dengan elemen kelestarian.

PENYELIDIKAN

JANGKA PENDEK 2023-2024

- Kolaborasi penyelidikan antarabangsa lestari yang berimpak tinggi

JANGKA SEDERHANA 2025

- Kolaborasi antarabangsa di setiap peringkat pengajian (rendah, menengah, tinggi) yang berteraskan kelestarian

JANGKA PANJANG (2030)

- Kemudahan makmal yang menggunakan teknologi terkini dan berteraskan kelestarian.



Makmal serta Kursus Ko-Kurikulum UniMAP



Projek Rumah Lestari UniMAP



UniMAP Center For Photovoltaics untuk Pembelajaran UniMAP

POLISI PEROLEHAN LESTARI

Inisiatif perolehan lestari di UniMAP melibatkan pelbagai aspek, termasuk pengurangan penggunaan tenaga, pengoptimuman pengurusan air, penggunaan bahan yang mesra alam, dan pengurangan sisa. Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan bahawa universiti tidak hanya memberi tumpuan kepada keunggulan akademik tetapi juga kepada tanggungjawab sosial dan alam sekitar. Perolehan bekalan yang mempunyai unsur mesra alam dan jimat tenaga atau pelantikan pembekal yang mengamalkan nilai kelestarian dalam proses pengeluaran produknya.



SDG 13 :

Tindakan Iklim

Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui.

Polisi

UniMAP komited untuk mematuhi garis Panduan Perolehan Hijau 2.0 atau MyHIJAU bagi menyokong inisiatif kerajaan yang sangat penting untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, serta meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

Pernyataan UniMAP Lestari 2030

Menggalakkan perolehan yang bertanggungjawab dan mampan di kampus sebagai sebahagian daripada strategi kemampan jangka panjang bagi prosedur pemerolehan yang perlu diselaraskan dan dilaksanakan mengikut fasa.

OBJEKTIF (AIM)

- Menggalakkan amalan kelestarian perolehan rantai bekalan dalam kalangan warga kampus berdasarkan ciri kelestarian yang ditetapkan.
- Menghasilkan 'Master Trainer' untuk program kelestarian di peringkat universiti
- Menjalankan pengukuran & pelaporan prestasi secara berterusan dan konsisten demi memastikan proses kelestarian perolehan mencapai piawaian yang ditetapkan.

(INISIATIF)
TINDAKAN SEMASA
(2023)



PELAKSANAAN

JANGKA PENDEK 2023-2024

- Utamakan pembekal yang mengamalkan nilai kelestarian (cth: ISO14000).
- (Belian Terus) untuk produk-produk yang mempunyai logo myHijau.
- Taklimat perolehan lestari.
- 'Master Trainer' di peringkat universiti.
- AJK/Unit Audit Perolehan dengan elemen perolehan hijau.

JANGKA SEDERHANA 2025

- Garis Panduan Perolehan Kerajaan (GGP) 3.0 dalam proses perolehan (tender).
- Cetak slogan kelestarian UniMAP pada dokumen rasmi.
- Hebahan polisi dan pelaksanaan perolehan lestari kepada warga kampus dan pembekal.
- Pegawai dihantar untuk kursus TOT dan Perolehan Hijau
- Taklimat perkongsian perolehan hijau.
- Kenalpasti pembekal dalam bidang hijau, merangka program kesedaran ke arah kelestarian perolehan, perancangan perolehan hijau tahunan dan laporan prestasi kelestarian perolehan di peringkat universiti.
- Pemantauan berterusan, laporan dan audit proses perolehan hijau tahunan.
- Projek kelestarian mencapai piawaian yang ditetapkan dan langkah pembetulan.

JANGKA PANJANG (2030)

- Sistem e-Perolehan Hijau. (Database pembekal, bekalan dan perkhidmatan lestari)
- Perkenal syarat pemilihan pembekal yang mematuhi Polisi Kelestarian UniMAP.
- Penalti kepada pembekal yang tidak mematuhi Polisi Kelestarian UniMAP
- Lebih ramai 'Master Trainer'.
- Iktiraf Jabatan dan pembekal yang mengamalkan nilai lestari dalam proses perolehan.



Belian produk logo MyHijau



Larangan penggunaan polisterine dan penyedut minuman plastik kepada semua pengusaha cafe dalam kampus



Muka hadapan Kad Staf memaparkan gambar staf yang dijana dari sistem IUSHRM UniMAP, nama staf dan juga jawatan



Belakang Kad Staf dilengkapi Kod QR untuk capaian ke Kad Staf Digital dan memaparkan terma hak milik kad serta alamat Jabatan Pendaftar.



UniMAP Menggunakan Produk Cekap Air



UniMAP menggunakan Barangan Jimat Tenaga

PEMETAAN POLISI & SDG

SKOP UniMAP LESTARI 2030	POLISI	SDG
Pengurusan Tenaga	UniMAP komited dalam membudayakan perancangan, pembangunan, penggunaan, pengurusan dan pemantauan sumber tenaga secara cekap di kalangan warga kampus.	 
Pengurusan Air	UniMAP komited dalam menguruskan sumber air bagi bekalan sumber air yang terjamin dan lestari	
Pengurusan Sisa	UniMAP komited dalam melaksanakan pengurusan sisa yang teratur dan amalan penjagaan kebersihan dan kesihatan yang baik dalam kalangan warga UniMAP.	 
Fasiliti Mesra Alam	UniMAP komited dalam melaksanakan inisiatif mengoptimalkan ruang sedia ada & baharu, mobiliti rendah karbon iaitu dengan mengurangkan kadar penggunaan kenderaan dalam kampus supaya mengurangkan pencemaran udara, air dan bunyi	 
Biodiversiti	UniMAP komited dalam memelihara kelestarian biodiversiti dan mengurus lanskap berpandukan prinsip dan matlamat yang digariskan dalam dasar-dasar kebangsaan yang berkaitan.	 
Warga UniMAP Sejahtera	UniMAP komited dalam mewujudkan budaya kerja cemerlang dan kesihatan minda yang sihat berlandaskan nilai-nilai luhur agama dan budaya yang cakna agenda pembangunan lestari.	  
Pejabat Hijau	UniMAP komited dalam memperkasakan budaya kampus dengan agenda pembangunan lestari dalam suasana yang mesra alam dan harmonis, kondusif untuk meningkatkan produktiviti dalam melaksanakan kerja.	  
Bebas Halangan & Diskriminasi	<u>Bebas Halangan</u> UniMAP komited memberikan kebebasan warga UniMAP menyertai/ menyuarakan pendapat melalui platform yang betul. <u>Diskriminasi</u> UniMAP komited dalam menyediakan platform/ medium/ fasiliti yang selesa secara sama rata dan adil.	 
Pendidikan Dan Penyelidikan Lestari	<u>Pendidikan</u> UniMAP komited dalam mengadakan elemen pendidikan pembangunan lestari dalam kursus-kursus yang ditawarkan dalam program akademik. <u>Penyelidikan</u> UniMAP komited dalam memastikan penyelidikan yang berimpak dalam memberi manfaat kepada masyarakat dan dunia.	
Perolehan Lestari	UniMAP komited untuk mematuhi garis Panduan Perolehan Hijau 2.0 atau MyHJAU bagi menyokong inisiatif kerajaan yang sangat penting untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, serta meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia	

RESIMPULAN

***Blueprint* UniMAP Lestari 2030 menggariskan 10 Polisi beserta inisiatif yang berkait secara langsung dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan [Sustainable Development Goals] untuk menjadi panduan dalam menjayakan kesemua agenda Universiti ke arah merealisasikan hasrat menjadi sebuah kampus lestari.**

Pelaksanaan *Blueprint* UniMAP Lestari 2030 ini akan melibatkan komitmen seluruh warga kampus serta kerjasama dan sokongan daripada pelbagai agensi termasuk komuniti setempat. Ini akan membuktikan usaha seluruh warga kampus dalam menjayakan hasrat dan menzahirkan iltizam pembudayaan kelestarian dalam kampus tercinta.

Bersamalah kita berusaha menjaga Bumi kurniaan Allah S.W.T ini dan mengamalkan pengurusan sumber dengan lebih bertanggungjawab, mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada supaya kita dapat melakukan pemuliharaan demi mengekalkan keseimbangan ekosistem untuk kesejahteraan kita dan generasi akan datang.

“Bumi Kita, Kitalah Jaga”

Copyright © 2021 by Universiti Malaysia Perlis.

No part of this publication may be reproduced, stored for reproduction or otherwise transmitted in any form or by any means, either electronically, in photographs, recordings, etc. without the written permission of Universiti Malaysia Perlis

BLUEPRINT UNIMAP LESTARI 2030

e ISBN 978-629-7715-10-0



PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

(online)



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

CENTER OF SUSTAINABLE CAMPUS
& ENERGY MANAGEMENT **COSCEM**
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

**PUSAT PENGURUSAN TENAGA DAN KAMPUS LESTARI (COSCEM)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
KAMPUS ALAM UniMAP PAUH PUTRA
02600 ARAU
PERLIS**

**<https://www.unimap.edu.my>
<https://kampuslestari.unimap.edu.my/>**